

SOALAN NO 247

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

SOALAN :

YB Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada projek pertanian berkonsepkan Agro Farming dan Agro Tourism seluas 121.71 hektar (300.75 ekar) di Mukim Sungai Raia, daerah Kinta, negeri Perak yang dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak dengan Obor Hasil Sdn. Bhd. telah mendapat kelulusan Jabatan Alam Sekitar

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar belum menerima dan meluluskan projek pertanian tersebut yang akan dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak dengan Obor Hasil Sdn. Bhd.

Sekian, terima kasih.